

Keberkesanan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar Terhadap Pelajar Bahasa Melayu (Program Khas) di Singapura

(The Effectiveness of a Listening Skills Teaching Model on Malay Language (Special Programme) Students in Singapore)

Abidah Bibi K.A.Marikar¹, Dahlia Janan^{2*}

¹Fakulti Bahasa & Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: abidahbibi@yahoo.com.sg

²Fakulti Bahasa & Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Dahlia Janan

(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:

Kemahiran mendengar
Pelajar bukan penutur natif
Bahasa Melayu (Program Khas)
Pengajaran bahasa ketiga
Model pengajaran

KEYWORDS:

Listening skills
Non-native learners
Malay (Special Programme)
Third language learning
Teaching model

CITATION:

Abidah Bibi K.A.Marikar, & Dahlia Janan. (2025). Keberkesanan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar Terhadap Pelajar Bahasa Melayu (Program Khas) di Singapura. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(4), e003384.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i4.3384>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar terhadap pembelajaran pelajar Bahasa Melayu Program Khas (BMPK) di Singapura. Model yang dibangunkan mengandungi elemen-elemen pengajaran yang direka khusus untuk menyokong keperluan pelajar bukan penutur natif dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Kajian eksperimen ini dilaksanakan selama tiga minggu melibatkan dua buah sekolah menengah. Seramai 46 orang pelajar Menengah Dua telah dipilih sebagai sampel, terdiri daripada 23 pelajar dalam kumpulan rawatan dari Sekolah A dan 23 pelajar dalam kumpulan kawalan dari Sekolah B. Guru A melaksanakan pengajaran berdasarkan model yang dibangunkan, manakala Guru B menggunakan pendekatan konvensional dalam pengajaran kemahiran mendengar. Kedua-dua kumpulan menduduki ujian pra kefahaman mendengar sebelum intervensi dan ujian pos selepas pelaksanaan pengajaran. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam skor pos kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan, membuktikan keberkesanan model yang dilaksanakan serta menolak hipotesis nol kajian. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang kontekstual dan disesuaikan dengan keperluan pelajar bukan penutur natif dapat meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar secara berkesan. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan amalan pedagogi dalam pengajaran bahasa asing dan menyediakan panduan praktikal kepada guru dalam merancang intervensi pengajaran yang lebih sistematik dan berfokus.

ABSTRACT

This study aims to evaluate the effectiveness of a listening skills teaching model on the learning of students in the Malay (Special Programme). The model was designed with specific instructional elements tailored to support the needs of non-native speakers learning Malay as a third language. An experimental study was conducted over three weeks involving two secondary schools. A total of 46 Secondary Two students were selected as the study sample, consisting of 23 students in the treatment group from School A and 23 students in the control group from School B. Teacher A implemented the listening lessons using the developed model, while Teacher B conducted conventional listening instruction. Both groups sat for a pre-listening comprehension test before the intervention and a post-test after its implementation. Data were analysed using SPSS version 29. The findings showed a significant increase in post-test scores for the treatment group compared to the control group, confirming the effectiveness of the implemented model and leading to the rejection of the null hypothesis. The implications suggest that a contextualised and learner-specific teaching approach can effectively enhance listening skills among non-native learners of Malay. This study contributes to the advancement of foreign language pedagogy and provides practical guidance for teachers in designing more systematic and targeted teaching interventions.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini membangunkan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar berasaskan teori pemerolehan bahasa asing dan strategi pembelajaran bahasa, khusus untuk pelajar bukan penutur natif di Singapura. Model ini menyumbang pendekatan pedagogi kontekstual yang bertujuan meningkatkan kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu (Program Khas) (BMPK).

1. Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan antara bahasa utama di Asia Tenggara dan berperanan penting dalam membina jati diri, hubungan antara budaya serta pemupukan kefahaman serantau. Di Singapura, Bahasa Melayu mempunyai kedudukan istimewa sebagai salah satu daripada empat bahasa rasmi dan turut diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Justeru, ia tidak hanya diajar sebagai bahasa ibunda kepada masyarakat Melayu, tetapi turut ditawarkan sebagai bahasa ketiga melalui Program Khas Bahasa Melayu (BMPK) kepada pelajar bukan penutur natif yang menunjukkan kecemerlangan akademik dan minat terhadap bahasa.

Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur natif masih menghadapi pelbagai cabaran, khususnya dari aspek kemahiran mendengar. Kemahiran mendengar ialah prasyarat penting dalam pemerolehan bahasa kerana ia membentuk asas kepada kemahiran bertutur, membaca dan menulis. Dalam konteks pembelajaran bahasa asing, kemahiran ini merupakan saluran utama untuk pelajar memperoleh input linguistik yang autentik. Menurut [Oxford \(2011\)](#) dan [Ellis \(2000\)](#), kekuatan kemahiran mendengar berkait rapat dengan keupayaan pelajar memahami

mesej, menangkap struktur bahasa dan mengembangkan strategi komunikasi yang efektif. Namun begitu, dalam amalan pengajaran semasa, kemahiran mendengar sering kali tidak diberi penekanan setara dengan kemahiran lain.

Kekangan utama dalam pengajaran kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar BMPK ialah ketiadaan model pengajaran khusus yang mengambil kira keperluan unik pelajar bukan penutur natif. Guru-guru sering menggunakan kaedah konvensional yang tidak disesuaikan dengan tahap pendedahan pelajar terhadap bahasa Melayu, sekaligus mengurangkan keberkesanan penyampaian. Hal ini lebih ketara dalam konteks Singapura yang dilingkungi oleh dominasi bahasa Inggeris, menjadikan peluang untuk berinteraksi dalam bahasa Melayu sangat terhad. Salah satu aspek yang paling kritikal dalam pengajaran bahasa untuk penutur asing adalah strategi pengajaran yang merangkumi persediaan mengajar iaitu merancang dan melaksanakan hasil pembelajaran dalam sesuatu pelajaran (Dahlia Janan et al., 2024). Oleh itu, wujud keperluan mendesak untuk membangunkan satu model pengajaran kemahiran mendengar yang bukan sahaja sistematik, tetapi juga disandarkan pada teori pemerolehan bahasa asing dan strategi pembelajaran yang sesuai dengan profil pelajar BMPK.

Model pengajaran yang berkesan perlu menggabungkan elemen teori seperti *Second Language Acquisition Theory* (Krashen, 1985), dan pemahaman tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang membantu pelajar mengurus, memproses dan menyimpan maklumat bahasa dengan lebih efisien. SPB seperti strategi kognitif, metakognitif, sosial dan afektif yang diketengahkan oleh Oxford (1990, 2011) telah terbukti menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam konteks bukan penutur natif. Pelajar yang didedahkan kepada strategi ini lebih berupaya mengawal proses pembelajaran mereka, mengatasi kesukaran mendengar dan meningkatkan kefahaman melalui teknik seperti inferens, penilaian sendiri dan kolaborasi dengan rakan sebaya.

Kajian ini membangunkan dan menguji satu Model Pengajaran Kemahiran Mendengar yang dirangka khusus untuk pelajar BMPK, dengan menggabungkan prinsip-prinsip teori pemerolehan bahasa asing dan SPB. Model ini berfungsi sebagai rangka kerja yang menyeluruh dan fleksibel bagi guru dalam merancang pengajaran yang lebih kontekstual, terarah dan responsif terhadap keperluan pelajar. Dengan adanya model ini, diharapkan pelajar bukan penutur natif akan mendapat laluan pembelajaran yang lebih sistematik dan bermakna, sekaligus meningkatkan kecekapan komunikasi mereka dalam bahasa Melayu. Dalam konteks pendidikan dwibahasa dan masyarakat majmuk seperti Singapura, pencapaian ini amat signifikan dalam menyokong integrasi sosial dan memperkukuh kefahaman antara budaya.

1.1. Permasalahan Kajian

Dalam konteks pembelajaran bahasa ketiga di Singapura, kemahiran mendengar sering kali terpinggir berbanding kemahiran membaca dan menulis. Pengajaran kemahiran mendengar tidak diajar secara eksplisit, sebaliknya disampaikan secara tidak langsung melalui aktiviti lain. Hal ini mengakibatkan pelajar tidak mengembangkan strategi mendengar secara sistematik, seterusnya menjejaskan prestasi mereka dalam penilaian kefahaman lisan dan dalam komunikasi harian. Persekitaran sosiolinguistik Singapura yang didominasi oleh bahasa Inggeris turut menyukarkan pelajar BMPK untuk mendapat pendedahan kepada input lisan bahasa Melayu secara semula jadi (Tan, 2011; Curdt-Christiansen & Silver, 2013).

Kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar dalam program BMPK sering kali tidak mempunyai latihan khusus dalam pengajaran bahasa asing, dan bahan pengajaran sedia ada pula bersifat generik serta tidak mengambil kira tahap kecekapan pelajar bukan penutur natif (Silver & Bokhorst-Heng, 2016). Pendekatan konvensional yang berorientasikan ujian bertulis dan tatabahasa tidak mencukupi untuk mengembangkan kecekapan pelajar dalam kemahiran mendengar. Hal ini menimbulkan jurang kecekapan dalam komunikasi lisan serta memberi kesan terhadap motivasi dan pencapaian pelajar secara keseluruhan.

Keadaan ini diperlihatkan dalam data prestasi pelajar BMPK (Jadual 1) yang menunjukkan penurunan dalam penguasaan kemahiran mendengar dari tahun ke tahun. Jadual prestasi pelajar dalam ujian kefahaman mendengar menengah dua dari tahun 2021 hingga 2023 menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar masih gagal mencapai tahap minimum kelulusan. Hal ini membuktikan wujudnya keperluan mendesak untuk mewujudkan pendekatan pengajaran yang lebih sesuai dengan keperluan pelajar BMPK.

Jadual 1: Keputusan Kefahaman Mendengar BMPK Menengah Dua (2021, 2022 dan 2023)

Taburan Gred	Tahun	Sekolah A (%)	Sekolah B (%)	Sekolah C (%)	Sekolah D (%)
A (Cemerlang) Markah: 18-20	2021	11.1	18.2	16.4	22.2
	2022	9.8	22.4	12.8	18.6
	2023	10.5	26.8	18.2	28.4
B (Baik) Markah: 14-16	2021	24.5	32.4	22.6	32.2
	2022	23.6	28.6	28.8	38.8
	2023	25.7	34.2	22.2	24.8
C (Sederhana) Markah: 10-12	2021	35.8	30.2	34.2	34.8
	2022	42.6	42.0	38.8	30.6
	2023	52.2	36.2	32.2	28.2
D (Belum mencapai tahap minimum) Markah: 0-8	2021	28.6	19.2	26.8	10.8
	2022	24.0	7.0	19.6	12.0
	2023	11.6	2.8	27.4	18.6

Sumber: Data pentaksiran dalaman BMPK (2021–2023), diperoleh daripada perkongsian empat sekolah menengah BMPK di zon timur, selatan dan barat Singapura.

Kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa kemahiran mendengar merupakan antara kemahiran yang paling mencabar untuk dikuasai oleh pelajar bukan penutur natif. Menurut Vandergrift (2007), pelajar bahasa asing cenderung menghadapi kesukaran dalam memproses input lisan secara serentak kerana keterbatasan ingatan jangka pendek dan kekurangan pendedahan kepada input yang autentik. Dalam kajian oleh Norziah (2002), pelajar sekolah menengah menunjukkan kelemahan yang ketara dalam mentafsir maklumat lisan disebabkan oleh kekurangan strategi pemahaman yang berkesan.

Kajian Siti Hajar dan Nurul Ain (2021) pula membuktikan bahawa penggunaan modul interaktif dalam latihan kemahiran mendengar memberikan kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang

inovatif dan berpandukan teori pembelajaran mampu membantu pelajar mengatasi cabaran dalam mendengar dan memahami bahasa sasaran. Tambahan pula, [Nurul Izzati et al. \(2021\)](#) menegaskan bahawa pengajaran kemahiran mendengar perlu disesuaikan mengikut profil pelajar, termasuk latar belakang linguistik dan motivasi pembelajaran mereka.

Di peringkat antarabangsa, [Oxford \(2011\)](#) menekankan bahawa strategi pembelajaran bahasa yang tersusun seperti strategi kognitif, metakognitif dan sosial mampu membantu pelajar bukan penutur natif mengawal proses pembelajaran mereka dengan lebih berkesan, terutamanya dalam aspek mendengar. Namun, tanpa panduan yang sistematik daripada guru dan model pengajaran yang sesuai, pelajar sukar mengaplikasikan strategi ini secara berkesan dalam bilik darjah.

Tambahan pula, kurangnya kajian empirikal yang membangunkan dan menguji model pengajaran yang khusus untuk kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar bukan penutur natif menandakan jurang dalam literatur semasa. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membangunkan dan menilai keberkesanan satu model pengajaran kemahiran mendengar yang direka berasaskan teori pemerolehan bahasa asing dan strategi pembelajaran bahasa yang terbukti berkesan. Model ini diharap dapat memberi impak positif terhadap prestasi pelajar dalam penguasaan kemahiran mendengar dan menjadi panduan pedagogi kepada guru dalam konteks bilik darjah yang pelajarannya terdiri daripada pelbagai latar belakang linguistik.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan utama untuk membangunkan dan menilai keberkesanan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar yang direka khas bagi pelajar Bahasa Melayu Program Khas (BMPK) di Singapura. Model ini dibangunkan berasaskan prinsip teori pemerolehan bahasa asing dan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang berfokus kepada keperluan pelajar bukan penutur natif. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan model tersebut dalam meningkatkan kemahiran mendengar pelajar, serta meneliti persepsi guru dan pelajar terhadap pelaksanaan model berkenaan. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menilai perbezaan pencapaian kefahaman mendengar pelajar antara kumpulan rawatan yang menggunakan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar dengan kumpulan kawalan yang menerima pengajaran secara konvensional.
- ii. Mengetahui pandangan guru terhadap pelaksanaan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga.
- iii. Mengetahui pandangan pelajar terhadap keberkesanan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar yang telah dilaksanakan dalam bilik darjah.

1.2. Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, soalan kajian yang dirumuskan untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah pencapaian ujian pra dan pasca bagi kefahaman mendengar berdasarkan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga?
- ii. Apakah pandangan guru terhadap pelaksanaan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar mengikut pendekatan bahasa asing?

- iii. Apakah pandangan pelajar terhadap pelaksanaan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar mengikut pendekatan bahasa asing?

2. Sorotan Literatur

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan kemahiran mendengar, strategi pembelajaran bahasa, serta pengajaran bahasa ketiga atau bahasa asing dalam konteks bukan penutur natif. Sorotan ini bertujuan untuk mewujudkan asas teori yang menyokong pembinaan dan pelaksanaan model pengajaran kemahiran mendengar bagi pelajar BMPK.

2.1. Kemahiran Mendengar dalam Pemerolehan Bahasa

Kemahiran mendengar merupakan komponen penting dalam proses pemerolehan bahasa, terutamanya dalam konteks bahasa kedua dan bahasa asing. [Vandergrift \(2007\)](#) menyatakan bahawa mendengar adalah kemahiran reseptif yang kompleks dan sering menjadi cabaran utama kepada pelajar bukan penutur natif. Kajian oleh [Norziah \(2002\)](#) turut mendapati bahawa pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa kedua menunjukkan kelemahan dalam memahami maklumat lisan, terutamanya apabila strategi mendengar tidak diajar secara eksplisit.

Menurut [Zamri et al. \(2010\)](#), kemahiran mendengar berperanan sebagai asas kepada kemahiran berbahasa lain seperti bertutur, membaca dan menulis. Kajian [Siti Hajar dan Nurul Ain \(2021\)](#) menunjukkan bahawa penggunaan modul interaktif dalam pengajaran kemahiran mendengar memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar. Ini membuktikan keperluan kepada pendekatan pengajaran yang sistematik dan kontekstual untuk menguasai kemahiran mendengar secara efektif.

Kajian oleh [Yan \(2023\)](#) menegaskan bahawa kemahiran mendengar yang berkesan meningkatkan keupayaan bahasa secara umum kerana ia memperbaiki kefahaman, yang seterusnya memperkukuh kemahiran bertutur, membaca, dan menulis. Tambahan pula, penggunaan teknologi seperti pengenalan pertuturan automatik (ASR) telah terbukti meningkatkan kemahiran mendengar pelajar dengan menyediakan transkrip masa nyata yang melengkap input audio.

2.2. Pengajaran Bahasa Ketiga dan Bahasa Asing

Dalam konteks pengajaran bahasa ketiga, pelajar berhadapan dengan kekangan kognitif dan afektif kerana kurangnya pendedahan kepada input bahasa secara semula jadi ([Moeller & Catalano, 2015](#)). Di Singapura, pelajar BMPK yang mengambil Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga sering beroperasi dalam persekitaran yang didominasi oleh bahasa Inggeris dan bahasa ibunda mereka. Hal ini menyukarkan pemerolehan kemahiran mendengar secara semula jadi, dan menuntut intervensi pengajaran yang lebih tersusun dan disesuaikan.

[Allard, Bourdeau dan Mizoguchi \(2010\)](#) menyatakan bahawa dalam konteks bahasa asing, pelajar memerlukan bimbingan secara eksplisit dalam aspek mendengar agar mereka dapat membina keupayaan mengenal bunyi, intonasi dan struktur bahasa. Justeru itu, keperluan kepada model pengajaran khusus bagi pelajar bukan penutur natif adalah kritikal bagi menyokong pemerolehan bahasa secara sistematik.

Kajian oleh [Moeller dan Catalano \(2015\)](#) menunjukkan bahawa pelajar bahasa ketiga menghadapi cabaran kognitif dan afektif kerana kurangnya pendedahan kepada input bahasa secara semula jadi. Di Singapura, pelajar BMPK yang mengambil Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga sering beroperasi dalam persekitaran yang didominasi oleh bahasa Inggeris dan bahasa ibunda mereka. Hal ini menyukarkan pemerolehan kemahiran mendengar secara semula jadi, dan menuntut intervensi pengajaran yang lebih tersusun dan disesuaikan.

2.3. Keberkesanan Model Pengajaran dalam Bahasa Asing

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk menilai keberkesanan model pengajaran dalam meningkatkan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar bukan penutur natif. Kajian oleh [Nurhidayati dan Muhd Zulkifli \(2020\)](#) menunjukkan bahawa penggunaan Model Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) dalam kursus bahasa asing dapat meningkatkan kemahiran mendengar pelajar secara signifikan. Model ini menekankan elemen penyelesaian masalah sebenar yang mendorong pelajar untuk aktif, berdikari dan berfikir secara kritis.

Kajian oleh [Zaini et al. \(2017\)](#) yang menilai keberkesanan model pengajaran kolaboratif dalam konteks pengajaran Bahasa Arab mendapati bahawa pendekatan tersebut meningkatkan interaksi pelajar, kefahaman lisan dan motivasi untuk belajar. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa model pengajaran yang disusun dengan elemen kolaboratif, interaktif dan berpusatkan pelajar boleh menyumbang secara langsung kepada kemajuan pembelajaran bahasa asing.

Dalam kajian oleh [Chen dan Kent \(2020\)](#), penggunaan model pengajaran berasaskan tugas (*task-based learning*) turut menunjukkan peningkatan dalam aspek kefahaman lisan dan penglibatan pelajar dalam kelas bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Model ini menyokong pembelajaran berasaskan konteks kehidupan sebenar yang memberi ruang kepada pelajar untuk menggunakan strategi yang sesuai dan membina keyakinan dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

Secara keseluruhan, dapatan daripada kajian-kajian ini memperlihatkan bahawa model pengajaran yang terancang, berasaskan teori dan disesuaikan dengan keperluan pelajar bukan penutur natif mampu memberi impak positif terhadap penguasaan bahasa asing. Justeru, pembinaan Model pengajaran kemahiran mendengar dalam kajian ini turut mengambil kira prinsip dan ciri-ciri keberkesanan model yang telah terbukti dalam kajian lepas.

2.4. Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) memainkan peranan penting dalam membentuk kecekapan pelajar dalam menguasai bahasa sasaran. [Oxford \(1990, 2011\)](#) membahagikan SPB kepada dua kategori utama: strategi langsung (memori, kognitif, dan pampasan) dan strategi tidak langsung (metakognitif, afektif dan sosial). Strategi metakognitif seperti perancangan, pemantauan dan penilaian sendiri membantu pelajar mengatur proses pembelajaran mereka dengan lebih sistematik.

Kajian oleh [Mohamed Amin \(2000\)](#) dan [Zamri \(2004\)](#) membuktikan bahawa pelajar yang mengaplikasikan strategi tertentu dalam pembelajaran bahasa menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik, terutamanya dalam kemahiran mendengar.

Hal ini membuktikan bahawa SPB boleh dijadikan asas penting dalam mereka bentuk pengajaran yang lebih responsif terhadap keperluan pelajar bukan penutur natif.

Kajian oleh [William et al. \(2023\)](#) menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar di Malaysia cenderung menggunakan strategi metakognitif dan sosial dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Strategi ini termasuk perancangan pembelajaran, pemantauan pemahaman, dan bekerjasama dengan rakan sebaya. Kajian ini mencadangkan bahawa strategi yang berfokus kepada kesedaran sendiri dan interaksi sosial boleh memperkukuh penglibatan pelajar dalam bilik darjah dan meningkatkan motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa.

Sementara itu, kajian oleh [Alqarni \(2023\)](#) menekankan kepentingan kecerdasan budaya (CQ) dalam pembelajaran bahasa. Pelajar dengan tahap CQ yang tinggi menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penguasaan bahasa kerana mereka lebih peka terhadap konteks budaya dan lebih fleksibel dalam menyesuaikan strategi pembelajaran mereka. Kajian ini turut mencadangkan agar elemen kesedaran budaya dimasukkan dalam strategi pembelajaran bagi membolehkan pelajar memahami nuansa komunikasi rentas budaya dengan lebih berkesan. Ciri-ciri seperti empati, kepekaan bahasa, dan keupayaan menyesuaikan diri dalam pelbagai konteks budaya menyumbang kepada peningkatan kefahaman lisan serta keberkesanan komunikasi dalam bahasa sasaran.

[Thomas et al. \(2024\)](#) dalam kajian kualitatif mereka mendapati bahawa pelajar yang mengamalkan pembelajaran sendiri dan refleksi diri cenderung untuk memilih strategi pembelajaran yang lebih berkesan dan sesuai dengan gaya pembelajaran individu mereka. Kajian ini turut menunjukkan bahawa refleksi secara berterusan membolehkan pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri dalam menguasai bahasa asing. Tambahan pula, pelajar yang mengamalkan pembelajaran sendiri lebih berdisiplin dalam menetapkan matlamat pembelajaran dan lebih konsisten dalam mengawal kemajuan mereka, sekaligus menyumbang kepada peningkatan prestasi bahasa yang lebih stabil.

2.5. Teori Pemerolehan Bahasa Asing

Model pengajaran yang dibangunkan dalam kajian ini turut dipengaruhi oleh teori pemerolehan bahasa asing seperti teori Second Language Acquisition (SLA) oleh [Krashen \(1985\)](#). [Krashen \(1985\)](#) memperkenalkan lima hipotesis utama dalam teorinya, iaitu Hipotesis Pemerolehan dan Pembelajaran, Hipotesis Susunan Semula Jadi, Hipotesis Monitor, Hipotesis Input, dan Hipotesis Penapis Afektif. Salah satu hipotesis yang paling relevan ialah Hipotesis Input, yang menyatakan bahawa pembelajaran berlaku apabila pelajar menerima input yang sedikit lebih tinggi daripada tahap semasa mereka ($i+1$). Dalam konteks kemahiran mendengar, ini bermaksud pelajar perlu terdedah kepada bahan lisan yang mencabar tetapi masih dapat difahami dengan bantuan strategi tertentu atau bimbingan guru.

Hipotesis Penapis Afektif pula menekankan bahawa emosi pelajar seperti motivasi, keyakinan, dan tahap kebimbangan memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa. Apabila penapis afektif rendah—iaitu pelajar berada dalam keadaan tenang dan bermotivasi—input bahasa dapat diproses dengan lebih berkesan. Oleh itu, suasana bilik darjah yang menyokong, tidak mengancam, dan mendorong interaksi terbuka amat penting dalam pengajaran kemahiran mendengar bagi pelajar bukan penutur natif.

Selain itu, teori sosiokultural [Vygotsky \(1978\)](#) juga menyokong pentingnya interaksi sosial dan bimbingan guru (*scaffolding*) dalam pembelajaran bahasa. [Vygotsky \(1978\)](#) memperkenalkan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), iaitu jurang antara apa yang boleh dilakukan pelajar secara sendiri dan apa yang boleh dilakukan dengan bantuan orang lain. Dalam konteks pengajaran bahasa, *scaffolding* merujuk kepada strategi pengajaran yang membimbing pelajar melalui tugas yang mencabar hingga mereka dapat melaksanakannya secara berdikari. Guru memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan awal seperti petunjuk, penyoalan berstruktur, atau bahan bantu visual, yang kemudiannya dikurangkan secara berperingkat mengikut kemajuan pelajar.

Pendekatan berdasarkan teori SLA dan sosiokultural ini amat relevan dalam pembinaan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar kerana ia menekankan keseimbangan antara input bahasa yang mencabar, persekitaran pembelajaran yang menyokong, serta peranan aktif guru dan pelajar dalam interaksi pembelajaran. Dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip ini, model pengajaran yang dibangunkan diharap dapat meningkatkan keberkesanan penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar BMPK secara lebih bermakna dan berkesan.

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa kemahiran mendengar merupakan komponen kritikal dalam pembelajaran bahasa ketiga dan perlu diajar secara sistematik, khususnya kepada pelajar bukan penutur natif. Penggunaan strategi pembelajaran yang berstruktur dan pendekatan pengajaran yang berasaskan teori dapat membantu pelajar meningkatkan kecekapan mendengar mereka. Oleh itu, penghasilan model pengajaran yang menggabungkan elemen-elemen ini adalah satu langkah penting dalam memperkukuh pedagogi bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Singapura.

3. Metod Kajian

Bahagian ini menerangkan pendekatan, reka bentuk kajian, pembinaan model pengajaran, sampel kajian, instrumen yang digunakan, prosedur pelaksanaan, dan kaedah analisis data bagi menilai keberkesanan model pengajaran kemahiran mendengar terhadap pelajar BMPK di Singapura.

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen dengan pendekatan campuran kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif digunakan untuk menilai perbezaan skor kefahaman mendengar pelajar melalui ujian pra dan pos. Pendekatan kualitatif pula melibatkan temu bual separa berstruktur dengan guru dan pelajar bagi meneliti persepsi terhadap pelaksanaan model. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan triangulasi data dan pemahaman menyeluruh tentang keberkesanan model yang dibangunkan.

3.2. Pembinaan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar

Model pengajaran kemahiran mendengar yang dibangunkan dalam kajian ini menggabungkan prinsip teori pemerolehan bahasa asing seperti Hipotesis Input ([Krashen, 1985](#)), teori sosiokultural [Vygotsky \(1978\)](#), serta Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) oleh [Oxford \(1990\)](#). Model ini berfungsi sebagai panduan pengajaran yang sistematik dan kontekstual bagi membina kemahiran mendengar pelajar secara berkesan.

Model ini juga disesuaikan dengan profil pelajar bukan penutur natif dalam konteks bahasa ketiga di Singapura.

Model ini dibangunkan berdasarkan elemen-elemen penting seperti berikut:

- i. Objektif Pengajaran - Disesuaikan dengan hasil pembelajaran kemahiran mendengar yang ditetapkan dalam Sukatan Pelajaran BMPK, menumpukan kepada keupayaan pelajar memahami pelbagai bentuk pengucapan seperti perbualan, ucapan, temu bual dan lakonan, serta memberi respons yang sesuai.
- ii. Kandungan Pengajaran – Kandungan pelajaran dirangka berasaskan teori pemerolehan bahasa oleh [Krashen \(1985\)](#), [Ellis \(1994\)](#), [Vygotsky \(1978\)](#), [Piaget \(1959\)](#), termasuk teori konstruktivisme, behaviorisme, teori Bandura dan kedwibahasaan. Kandungan bersifat autentik dan kontekstual untuk membantu pelajar mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar.
- iii. Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) - Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) – Berpandukan model SPB oleh [Oxford \(1990\)](#), strategi yang digunakan melibatkan aspek langsung dan tidak langsung yang sesuai dengan pelajar bukan penutur natif. Strategi ini merangkumi strategi kognitif, metakognitif, sosial, tampungan, memori dan afektif yang diaplikasikan secara tersusun.
- iv. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) – Guru perlu merancang pengajaran dengan teliti termasuk objektif pelajaran, bahan bantu, strategi pembelajaran serta kaedah penilaian. RPH harus bersifat fleksibel dan mengambil kira tahap keupayaan pelajar serta kaedah penglibatan aktif dalam kelas.
- v. Bahan Alat Bantu Mengajar - Menurut [Ellis \(1994\)](#), bahan bantu seperti rakaman audio, video interaktif dan bahan visual harus disediakan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, menyeronokkan dan memberangsangkan.
- vi. Penilaian untuk Pembelajaran - Penilaian dijalankan secara berterusan untuk menilai kemajuan pelajar, memberikan maklum balas serta menyokong refleksi dan penyesuaian strategi pembelajaran oleh guru dan pelajar. Penilaian harus selaras dengan kemahiran mendengar yang diajar.
- vii. Kesemua komponen ini dihubungkan secara bersepadu dan berurutan, bermula dari penetapan objektif hingga kepada penilaian pembelajaran. Model ini juga mengaplikasikan prinsip hipotesis input (i+1) oleh [Krashen \(1985\)](#) serta konsep scaffolding oleh [Vygotsky \(1978\)](#), di mana guru berperanan sebagai fasilitator yang menyediakan sokongan bertahap mengikut keperluan pelajar.


Model ini terdiri daripada lima komponen utama:

- i. Penyampaian Input Yang Difahami (Autentik) – Pelajar didedahkan kepada bahan audio yang menyerupai situasi sebenar seperti perbualan harian, berita, temu bual dan dialog.
- ii. Aktiviti Pra-Mendengar – Guru membimbing pelajar untuk meramal isi kandungan dan menyediakan latar maklumat melalui gambar, tajuk atau soalan fokus.
- iii. Strategi Semasa Mendengar – Pelajar digalakkan menggunakan strategi kognitif seperti membuat inferens dan mencatat maklumat penting semasa mendengar.
- iv. Aktiviti Pasca-Mendengar – Perbincangan secara berpasangan atau berkumpulan, latihan lisan dan aktiviti pengayaan digunakan untuk memperkukuh pemahaman.
- v. Refleksi dan Penilaian Kendiri – Pelajar diberi ruang untuk menilai pemahaman mereka dan mengenal pasti strategi yang berkesan.
- vi. Kelima-lima komponen ini dihubungkan secara bersepadu dan berurutan, bermula dari aktiviti pra-mendengar hinggalah kepada refleksi sendiri. Model ini

juga mengaplikasikan prinsip hipotesis input (i+1) oleh Krashen (1985) serta konsep scaffolding oleh Vygotsky (1978), di mana guru berperanan sebagai fasilitator yang menyediakan sokongan bertahap mengikut keperluan pelajar.

Rajah 1 menunjukkan struktur Model Pengajaran Kemahiran Mendengar (PKM BMPK) yang dibangunkan berdasarkan prinsip pembelajaran penutur bukan natif dan teori pemerolehan bahasa asing. Model ini merangkumi elemen-elemen utama seperti objektif pengajaran, input yang difahami, kandungan dan strategi pengajaran, bahan bantu mengajar, serta penilaian pembelajaran, yang semuanya disusun untuk menyokong keberkesanan pengajaran kemahiran mendengar dalam konteks Program Khas Bahasa Melayu (BMPK).

Rajah 1: Model Pengajaran Kemahiran Mendengar BMPK (Model PKM BMPK)



3.3. Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah di Singapura yang menawarkan Program Khas Bahasa Melayu (BMPK). Kedua-dua sekolah terletak di kawasan bandar yang mewakili spektrum geografi dan sosioekonomi berbeza — satu di zon timur dan satu lagi di zon tengah. Pemilihan lokasi dibuat secara bertujuan kerana sekolah-sekolah ini mempunyai jumlah pelajar BMPK yang mencukupi serta menunjukkan minat dan kesediaan untuk terlibat dalam pelaksanaan kajian. Tambahan pula, kedua-dua sekolah mempunyai latar belakang pelajar yang hampir setara dari segi etnik, bahasa ibunda, dan pencapaian akademik, justeru menjadikan mereka sesuai untuk dibandingkan dalam reka bentuk kuasi-eksperimen ini.

3.4. Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar Menengah Dua yang mengikuti Program Khas Bahasa Melayu (BMPK) di sekolah-sekolah menengah yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Singapura. Pelajar dalam populasi ini biasanya mengambil Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga selepas bahasa ibunda (selain Melayu) dan bahasa Inggeris.

Sampel kuantitatif melibatkan seramai 46 orang pelajar, iaitu 23 orang dalam kumpulan rawatan (Sekolah A) dan 23 orang dalam kumpulan kawalan (Sekolah B). Pemilihan sampel ini dilakukan secara persampelan bertujuan untuk memastikan kedua-dua kumpulan mempunyai tahap keupayaan akademik yang seimbang, dan pernah menerima pengajaran BMPK sekurang-kurangnya satu tahun sebelum kajian bermula. Saiz sampel ditentukan berdasarkan bilangan pelajar yang memenuhi kriteria tersebut dalam kedua-dua sekolah yang terlibat. Jumlah ini mencukupi untuk analisis perbandingan menggunakan ujian-t dua sampel bebas, seperti yang digariskan oleh [Cohen \(1992\)](#) bagi kajian dengan kuasa statistik sederhana (power = 0.8, $\alpha = 0.05$).

Sampel kualitatif terdiri daripada:

- i. 1 orang guru daripada kumpulan rawatan, iaitu Guru A yang melaksanakan pengajaran berdasarkan Model PKM BMPK, dan
- ii. 8 orang pelajar daripada kumpulan rawatan yang dipilih berdasarkan prestasi ujian dan kesediaan untuk ditemu bual.

Pemilihan sampel kualitatif ini juga dibuat secara persampelan bertujuan, bagi memastikan keberagaman dalam persepsi dan pengalaman pelajar terhadap pelaksanaan model. Bilangan ini dipilih berdasarkan prinsip saturasi data, iaitu apabila maklumat daripada temu bual menunjukkan corak dapatan yang berulang dan konsisten. Temu bual dijalankan selepas sesi intervensi untuk mengumpul maklum balas tentang keberkesanan, kefahaman, dan pengalaman sebenar pelajar dalam pengajaran menggunakan model.

3.5. Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah ujian pra dan pos kefahaman mendengar, yang dibangunkan berdasarkan keperluan kurikulum BMPK dan standard penilaian kemahiran mendengar. Ujian ini terdiri daripada pelbagai jenis item seperti menjawab soalan berdasarkan rakaman, melengkapkan maklumat, dan memilih jawapan tepat berdasarkan maklumat lisan. Bagi tujuan triangulasi, temu bual separa berstruktur juga dijalankan terhadap guru dan pelajar kumpulan rawatan selepas intervensi. Panduan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian dan telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan bahasa.

3.6. Prosedur Pelaksanaan

Sebelum intervensi, semua pelajar menduduki ujian pra kefahaman mendengar. Guru A melaksanakan tiga pengajaran berasaskan Model PKM BMPK terhadap kumpulan rawatan selama tiga minggu, yang merangkumi tiga sesi pengajaran. Guru B pula menggunakan pendekatan pengajaran konvensional terhadap kumpulan kawalan bagi tempoh yang sama. Selepas intervensi, semua pelajar menduduki ujian pos kefahaman mendengar. Guru dan pelajar dalam kumpulan rawatan kemudiannya ditemu bual untuk mendapatkan maklum balas tentang pelaksanaan model.

3.7. Kaedah Analisis Data

Data kuantitatif daripada ujian pra dan pos dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29. Ujian-t dan nilai p digunakan untuk menentukan perbezaan signifikan antara kumpulan rawatan dan kawalan. Data kualitatif daripada temu bual guru dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Maklum balas pelajar juga dikumpulkan melalui borang refleksi. Metodologi ini membolehkan triangulasi data bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh dan sahih berkenaan keberkesanan model pengajaran yang dibangunkan.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini membentangkan hasil kajian yang memberi tumpuan kepada soalan kajian iaitu menilai tahap keberkesanan Model Pengajaran Kemahiran Mendengar (PKM BMPK) terhadap pencapaian pelajar bukan penutur natif Bahasa Melayu di Singapura. Penilaian dilakukan melalui tiga sumber utama: (1) ujian pra dan pasca kemahiran mendengar, (2) maklum balas guru yang melaksanakan pengajaran menggunakan model, dan (3) refleksi pelajar selepas intervensi. Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen dengan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi menentukan kesan intervensi secara lebih empirikal.

4.1. Ujian Pra dan Pasca: Keberkesanan Intervensi

Penilaian utama keberkesanan Model PKM BMPK dilakukan melalui perbandingan skor ujian pra dan pasca dalam kalangan pelajar kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menerima pengajaran berdasarkan Model PKM BMPK, manakala kumpulan kawalan mengikuti pengajaran konvensional oleh guru masing-masing.

Berdasarkan analisis deskriptif, purata skor kumpulan rawatan meningkat daripada 50.87% (pra) kepada 68.70% (pasca), mencatatkan peningkatan sebanyak 17.83 mata peratusan. Sebaliknya, kumpulan kawalan hanya menunjukkan peningkatan marginal daripada 56.52% (pra) kepada 57.39% (pasca), iaitu peningkatan sebanyak 0.87 mata peratusan. Berdasarkan dapatan dalam [Jadual 2](#), keputusan ujian-t berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pra dan pasca ujian kefahaman mendengar bagi kumpulan rawatan ($p = 0.003$, $p < 0.05$). Penemuan ini membawa kepada penolakan hipotesis nol H_0 , sekali gus membuktikan bahawa penggunaan Model PKM BMPK memberi kesan yang signifikan dan bermakna terhadap peningkatan kefahaman mendengar pelajar.

Jadual 2: Dapatan Ujian Pra dan Pasca Kefahaman Mendengar

Kumpulan	Min Pra (%)	Min Pasca (%)	Nilai p
Kawalan	56.52	57.39	0.0509
Rawatan	50.87	68.70	0.003

Sebaliknya, bagi kumpulan kawalan, walaupun terdapat sedikit peningkatan min skor daripada 56.52% kepada 57.39%, perbezaan tersebut adalah tidak signifikan ($p = 0.0509$, $p > 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol H_0 tidak dapat ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran secara konvensional tanpa penerapan strategi pembelajaran bahasa yang khusus kurang berkesan dalam meningkatkan kemahiran mendengar pelajar.

Secara keseluruhannya, analisis inferens ini menyokong keberkesanan Model PKM BMPK sebagai satu pendekatan pedagogi yang mampu meningkatkan kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar, berbanding pendekatan pengajaran tradisional. Penemuan ini juga menyokong hujah Krashen (1985) bahawa pendedahan kepada input yang difahami secara sistematik dan berstruktur dapat meningkatkan pemerolehan bahasa. Model PKM BMPK menekankan strategi pembelajaran seperti catatan aktif, strategi tampungan, dan refleksi lisan, yang kesemuanya sejajar dengan pendekatan pembelajaran konstruktivisme.

4.2. Maklum Balas Guru: Pemerhatian Terhadap Pelaksanaan Model

Selain ujian prestasi pelajar, maklum balas daripada guru yang melaksanakan Model PKM BMPK telah diperoleh melalui sesi temu bual separa berstruktur. Analisis tematik terhadap transkrip temu bual menunjukkan bahawa guru menyambut baik pelaksanaan model, dan mendapati struktur pengajarannya membantu meningkatkan penglibatan serta kefahaman pelajar.

4.2.1. Tema 1: Penglibatan Aktif dan Respons Pelajar

Guru menyatakan bahawa pelajar menunjukkan minat yang lebih tinggi dan lebih fokus berbanding sebelum intervensi. Guru A menyatakan:

“Saya lihat mereka lebih bersedia semasa aktiviti mendengar... mungkin kerana mereka tahu apa yang akan berlaku dan apa yang perlu dicari dalam rakaman.” (Guru A)

4.2.2. Tema 2: Keberkesanan RPH dan Aktiviti Model

Guru turut menyatakan bahawa komponen pra-mendengar seperti ramalan berdasarkan gambar dan soalan fokus berjaya meningkatkan tumpuan pelajar.

“Aktiviti pra-mendengar banyak bantu... pelajar jadi lebih yakin sebab mereka sudah faham konteks sebelum rakaman dimainkan,” ujar Guru A.

4.2.3. Tema 3: Penerapan Strategi Secara Sistematik

Guru menilai bahawa strategi seperti penggunaan klu visual, nota ringkas, serta perbincangan rakan sebaya membantu pelajar bukan sahaja menjawab soalan dengan lebih tepat, tetapi juga lebih yakin berinteraksi secara lisan selepas mendengar.

“Saya suka struktur model ini... Ia beri saya petunjuk jelas bila nak bantu, dan bila nak biar pelajar cuba sendiri.” (Guru A)

Secara keseluruhan, guru menyimpulkan bahawa Model PKM BMPK bukan sahaja memberi impak positif terhadap pemahaman lisan pelajar, malah menjadikan pengajaran lebih berstruktur dan berkesan untuk golongan bukan penutur natif.

4.3. Refleksi Pelajar: Persepsi Terhadap Pembelajaran

Refleksi pelajar dikumpulkan melalui borang refleksi sendiri dan temu bual separa berstruktur selepas sesi pengajaran. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pandangan positif terhadap penggunaan Model PKM BMPK.

4.3.1. Tema 1: Keyakinan dan Pemahaman Bertambah

Lebih 90% pelajar menyatakan mereka kini lebih yakin memahami maklumat yang didengar. Pelajar A berkata:

“Sebelum ini saya tidak pasti apa nak dengar. Sekarang saya tahu saya perlu fokus pada kata kunci dan soalan 5W1H.” (Pelajar A)

4.3.2. Tema 2: Aktiviti Menarik dan Tidak Membosankan

Pelajar menghargai variasi aktiviti yang terdapat dalam pengajaran berdasarkan model.

“Saya suka bila cikgu guna gambar dan video... rasa macam lebih senang faham dan seronok belajar,” kata Pelajar C.

4.3.3. Tema 3: Penggunaan Strategi Membantu Tindakan Kendiri

Pelajar juga menyatakan bahawa strategi seperti catatan ringkas, ramalan, kandungan, dan refleksi selepas aktiviti banyak membantu mereka menyusun maklumat dan mengenal pasti kelemahan sendiri.

“Bila saya buat refleksi, saya tahu mana saya salah. Jadi saya cuba ubah cara saya dengar pada kelas seterusnya,” ujar Pelajar E.

Refleksi ini mengesahkan bahawa strategi pembelajaran yang berstruktur, dipadankan dengan aktiviti yang kontekstual dan autentik, meningkatkan tahap motivasi, penglibatan, dan pemahaman pelajar bukan penutur natif. Dapatan ini turut menyokong pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar seperti yang diketengahkan oleh [Oxford \(1990\)](#) dan [Ellis \(2000\)](#).

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa Model Pengajaran Kemahiran Mendengar (PKM BMPK) yang dibangunkan telah memberi kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian pelajar bukan penutur natif dalam kemahiran mendengar Bahasa Melayu. Kajian ini membuktikan bahawa pengajaran yang dirancang secara sistematik berdasarkan teori pemerolehan bahasa dan strategi pembelajaran bahasa dapat membantu pelajar memahami input lisan dengan lebih berkesan. Pelajar dalam kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan skor yang ketara dalam ujian pasca berbanding kumpulan kawalan, sekali gus menolak hipotesis nol dan menyokong andaian bahawa pengajaran berpandukan model lebih berkesan berbanding pendekatan konvensional.

Tambahan pula, dapatan kualitatif daripada maklum balas guru dan refleksi pelajar mengesahkan bahawa model ini bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik,

malah turut memperkasa penglibatan pelajar secara aktif dalam bilik darjah. Pelajar menjadi lebih yakin untuk memberi respons, mengemukakan soalan, dan menyelesaikan tugas berkaitan kemahiran mendengar. Guru pula mendapati bahawa struktur model yang jelas dan berpandukan strategi-strategi SPB seperti metakognitif, kognitif dan tampungan, memberi kerangka pengajaran yang lebih mantap, berfokus dan mesra pelajar.

Penemuan ini memberikan sumbangan penting terhadap bidang pedagogi bahasa, khususnya dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Singapura yang mana pelajar tidak berada dalam persekitaran yang menyokong penggunaan Bahasa Melayu secara meluas. Oleh itu, reka bentuk pengajaran yang menggabungkan input yang difahami, bimbingan berstruktur (scaffolding) dan aktiviti pelajar berpusatkan strategi amat penting untuk menjembatani jurang linguistik dan kognitif dalam kalangan pelajar bukan penutur natif.

Dari segi teoritikal, kajian ini menyokong kerangka pemerolehan bahasa kedua oleh [Krashen \(1985\)](#) yang menekankan keperluan menyediakan input yang bermakna dalam konteks yang dapat difahami oleh pelajar. Pada masa yang sama, ia juga memperkukuh cadangan [Oxford \(1990\)](#) bahawa pelajar perlu dibekalkan dengan strategi pembelajaran bahasa secara eksplisit bagi membolehkan mereka menguruskan proses pembelajaran dengan lebih berkesan.

Dari perspektif praktikal, kajian ini memberikan implikasi langsung terhadap amalan pengajaran guru. Guru perlu diberikan latihan pedagogi yang lebih terarah untuk mengajar kemahiran mendengar kepada pelajar bukan penutur natif. Reka bentuk Rancangan Pengajaran Harian (RPH) perlu menekankan strategi pembelajaran bahasa yang telah terbukti berkesan, seperti catatan lisan, teknik 5W1H, aktiviti kolaboratif dan penggunaan bahan multimodal yang menyokong pemahaman.

Selain itu, penggubal kurikulum dan pihak pembuat dasar juga harus mengambil perhatian terhadap keperluan khas pelajar BMPK dalam merangka modul pengajaran dan latihan guru. Ini termasuk menyediakan bahan pengajaran yang autentik dan kontekstual, serta memperkukuh kemahiran guru dalam pengajaran kemahiran lisan yang sering diketepikan berbanding kemahiran membaca dan menulis.

Kajian ini turut mempunyai implikasi untuk penyelidikan lanjutan. Model PKM BMPK yang dibangunkan dalam kajian ini boleh diuji keberkesanannya dalam kemahiran bahasa lain seperti bertutur dan membaca. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh melihat impak jangka panjang model terhadap motivasi pelajar, keberkesanannya dalam ujian formatif dan sumatif, serta potensi penggunaan model ini dalam pembelajaran sendiri atau dalam talian.

Sebagai kesimpulan, kajian ini mengesahkan bahawa pengajaran kemahiran mendengar yang dirancang berdasarkan pendekatan berasaskan teori dan strategi pembelajaran bahasa dapat meningkatkan pencapaian dan pengalaman pembelajaran pelajar bukan penutur natif. Model PKM BMPK bukan sahaja menyusun semula pengajaran kemahiran mendengar secara lebih terancang, tetapi juga berpotensi menjadi asas kepada perubahan pedagogi dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Singapura dan juga dalam konteks pelbagai bahasa lain yang dihadapi oleh penutur bukan natif.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada pihak Kementerian Pendidikan Singapura secara bertulis dan juga daripada pengetua atau pentadbir sekolah untuk mengumpulkan data bagi kajian yang dijalankan ke atas responden guru dan pelajar di sekolah-sekolah yang dipilih secara rawak.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan terima kasih kepada para pengetua sekolah-sekolah menengah, responden guru dan pelajar yang terlibat dan telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak. Namun penerbitan artikel ini mendapat sokongan kewangan daripada pihak UPSI.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkenaan penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Allard, F., Bourdeau, J., & Mizoguchi, R. (2010). Using pedagogical roles to define learning scenarios. *In Intelligent Tutoring Systems* (pp. 141–150). Springer.
- Alqarni, S. (2023). The role of cultural intelligence in second language acquisition: A critical review. *Journal of Language and Intercultural Communication*, 23(2), 147–163. <https://doi.org/10.1080/14708477.2022.2151365>
- Chen, W., & Kent, S. (2020). Task-based language teaching in ESL classrooms: A case study. *International Journal of Instruction*, 13(3), 217–232. <https://doi.org/10.29333/iji.2020.13315a>
- Cohen, J. (1992). A power primer. *Psychological Bulletin*, 112(1), 155–159.
- Curdt-Christiansen, X. L., & Silver, R. (2013). *Language policies and education in Singapore: Navigating multilingualism and language ideologies*. In J. Spolsky (Ed.), *The Cambridge handbook of language policy* (pp. 495–516). Cambridge University Press.
- Dahlia Janan, Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi, Punaji Setyosari, Norliza Jamaluddin, Siti Saniah Abu Bakar, & Lin, C. Y. (2024). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1–38. <https://doi.org/10.32890/mjli2024.21.1.1>
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford University Press.
- Ellis, R. (2000). Task-based research and language pedagogy. *Language Teaching Research*, 4(3), 193–220. <https://doi.org/10.1177/136216880000400302>
- Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. Longman.

- Moeller, A. J., & Catalano, T. (2015). Foreign language teaching and learning. In D. M. Osborn (Ed.), *Teaching world languages for social justice: A sourcebook of principles and practices* (pp. 327–357). Routledge.
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language learning strategies: A Malaysian context*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norziah Mohamed. (2002). Penerapan kemahiran mendengar dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 4(1), 45–56.
- Nurhidayati, N., & Muhd Zulkifli Ismail. (2020). Effectiveness of Problem-Based Learning Model to Improve Listening Skills in Foreign Language Courses. *Akademika*, 90(3), 63–74. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9003-05>
- Nurul Izzati Ahmad Radzi, Noor Azam Haji-Othman, & Nor Fariza Mohd. Nor. (2021). Listening comprehension challenges of foreign language learners. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(1), 35–51. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2101-03>
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Newbury House.
- Oxford, R. L. (2011). *Teaching and researching language learning strategies*. Pearson Education.
- Piaget, J. (1959). *The language and thought of the child* (3rd ed.). Routledge & Kegan Paul.
- Silver, R. E., & Bokhorst-Heng, W. D. (2016). An exploratory study of English-Malay bilingual education policy in Singapore. *Language and Education*, 30(1), 21–39. <https://doi.org/10.1080/09500782.2015.1103257>
- Siti Hajar Abdul Aziz, & Nurul Ain Mohd Zain. (2021). Modul interaktif dalam pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 11(2), 85–98.
- Tan, C. (2011). The culture of education policy making: Curriculum reform in Singapore. *Critical Studies in Education*, 52(2), 153–169. <https://doi.org/10.1080/17508487.2011.572826>
- Thomas, L., Wilson, R., & Samad, M. F. A. (2024). Self-regulated language learning: A qualitative exploration. *Language Learning Journal*, 52(1), 43–59.
- Vandergrift, L. (2007). Extensive listening practice and input enhancement using mobile phones: Encouraging out-of-class learning with mobile phones. *TESL-EJ*, 11(2), 1–17. <http://tesl-ej.org/ej42/a4.html>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- William, J. M., Ahmad, A. R., & Ghani, N. A. (2023). Metacognitive and social strategies in rural Malaysian students' English learning. *Malaysian Journal of ELT Research*, 19(1), 1–20.
- Yan, E. (2023). Technology-enhanced listening comprehension in L2 learning. *Computer Assisted Language Learning*, 36(4), 345–362. <https://doi.org/10.1080/09588221.2021.1959589>
- Zaini, A., Mazdayasna, G., & Namaziandost, E. (2017). Collaborative learning in Arabic language classrooms: Impact on speaking and motivation. *International Journal of Language Education*, 5(3), 101–114. <https://doi.org/10.26858/ijole.v5i3.4594>
- Zamri Mahamod, Syed Sahil, & Noraini Abdul Wahid. (2010). *Strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar cemerlang Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1–12.